

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

ZGT 162/3 – Geologi II

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Huraikan proses-proses luluhawa fizikal, kesan-kesannya serta hasil-hasilnya. (40/100)
(b) Bincangkan jenis-jenis gerakan jisim di permukaan bumi akibat graviti. (60/100)
2. (a) Perihalkan proses-proses yang terlibat dalam hakisan sungai dan hasil-hasilnya. (50/100)
(b) Bincangkan bagaimana teres sungai dibentuk, termasuk proses-proses yang terlibat, sebab-sebabnya dan bentuk-bentuk teres berlainan yang terhasil. (50/100)
3. (a) Bincangkan proses-proses hakisan dan pengendapan ombak termasuk hasil-hasilnya. (50/100)
(b) Huraikan pola-pola saluran ranting, trelis, segiempat, jejari dan bercampur. Bincangkan bagaimana setiap satu dikawal oleh struktur atau faktor yang lain. (50/100)
4. (a) Jelaskan bagaimana longgokan bijih jenis pemisahan magma (termasuk pegmatit) dibentuk. Beri contoh-contoh longgokan bijih yang terhasil. (60/100)
(b) Apakah air tanah? Perihalkan tiga zon air tanah yang biasa didapati. Bincangkan rejahan air masin ke dalam akuifer. (40/100)

...2/-

5. (a) Bincangkan asal-usul petroleum dan migrasinya dari batuan punca ke batuan reservoir. (50/100)
- (b) Huraikan geologi am Semenanjung Malaysia. Bincangkan kedudukan geosinklin pada zaman-zaman tertentu. (50/100)

- oooOOooo -